

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT
KEMPEN “CIMB OCTO APP Cross Border Duitnow QR 2025”

Tempoh Kempen

1. Kempen “**CIMB OCTO APP Cross Border Duitnow QR 2025**” (“**Kempen**”) dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad (197201001799 (13491-P)) (“**CIMB Bank**”) dan CIMB Islamic Bank Berhad (200401032872 (671380-H)) (“**CIMB Islamic Bank**”). Setiap sebutan “**CIMB**” merujuk kepada kedua-dua CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank.
2. Kempen akan bermula pada **1^{hb} September 2025** pada **jam 00:01 (GMT+8)** dan berakhir pada **31^{hb} Disember 2025** pada **jam 23:59 (GMT+8)**, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”). Untuk tujuan Kempen ini, setiap bulan kalendar dalam Tempoh Kempen hendaklah dirujuk sebagai “**Bulan Kempen**”.
3. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi selama tujuh (7) hari kalendar untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen dan/atau Bulan Kempen (*yang mana terpakai*).

Kelayakan

4. Semua pengguna individu **Aplikasi CIMB OCTO** (“**Aplikasi CIMB OCTO**”) yang mempunyai Akaun Semasa/-i atau Simpanan/-i CIMB yang aktif dan sah (“**CASA/-i**”) akan layak untuk menyertai Kempen ini (“**Peserta Layak**”).
5. Kategori orang/entiti berikut **TIDAK** akan layak untuk menyertai Kempen ini: -
 - a. Pelanggan yang telah diajudikasikan sebagai bankrap atau tertakluk kepada mana-mana atau sebaliknya mempunyai prosiding undang-undang yang mungkin mempunyai kesan buruk material ke atas kedudukan kesolvenan atau kewangan mereka;
 - b. Pelanggan perusahaan kecil sederhana/perbankan perusahaan/komersial dan korporat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh CIMB, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat tersenarai awam, syarikat sendirian berhad, pertubuhan amal/tidak untung, persatuan dan perkongsian profesional; dan/atau
 - c. Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun.
6. Dengan menyertai Kempen ini, pelanggan merepresentasi dan mengesahkan bahawa beliau tidak termasuk dalam kategori orang/entiti yang dikecualikan di atas.

Hadiah

7. Hadiah berikut akan disediakan kepada Pemenang (selepas ini ditakrifkan dalam **Klausula-Klausula 16** hingga **23** di bawah) Kempen ini:

Kategori Hadiah	Huraian Hadiah	Nilai Hadiah (RM)	Bilangan Pemenang	Jumlah Kumpulan Hadiah (RM)
Hadiah Utama	1. Baucar perjalanan untuk dua (bernilai RM8,000.00, disediakan	10,000	3	30,000

	oleh Syarikat Pelancongan*) dan 2. Hadiah Wang Tunai RM2,000			
Hadiah Pulangan Tunai Bulanan	Pulangan Tunai RM5 (<i>dianugerahkan atas dasar tiba dahulu, layan dahulu, terhad kepada 6,000 pemenang pertama setiap bulan</i>)	5	24,000	120,000

8. Hadiah hendaklah dipenuhi oleh CIMB mengikut cara yang dinyatakan dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
9. Setiap Peserta Layak layak memenangi **maksimum satu (1) Hadiah Utama** dan **satu (1) Hadiah Pulangan Tunai Bulanan** sahaja sepanjang Tempoh Kempen.

Kriteria Penyertaan

10. Kempen ini hendaklah terpakai semata-mata dengan peniaga luar negara yang (i) menyertai dalam Kempen, dan (ii) mempunyai aturan dengan CIMB melalui institusi pemeroleh masing-masing dalam bidang kuasa berkenaan untuk membolehkan perkhidmatan **'DuitNow QR rentas sempadan'**, dengan syarat sentiasa bahawa peniaga tersebut menyokong perkhidmatan pembayaran QR rentas sempadan. Peserta Layak mesti melakukan sekurang-kurangnya satu (1) pembayaran yang berjaya kepada mana-mana transaksi **'DuitNow QR Payment-to-Local Merchant'** di **Indonesia (QRIS), Thailand (PromptPay)**, dan/atau **Singapura (NETS)** dengan transaksi minimum RM50 melalui fungsi **'DuitNow QR'** yang tersedia pada Aplikasi CIMB OCTO ("**Transaksi Layak**").
11. Semua Transaksi Layak hendaklah dilakukan melalui Aplikasi CIMB OCTO dan menggunakan dana daripada mana-mana Akaun CASA/-i Peserta Layak yang berdaftar dengan CIMB ("**Akaun Penyertaan**").
12. **Kriteria Penyertaan untuk Hadiah Utama**
Untuk berpeluang memenangi Hadiah Utama yang dirujuk dalam **Klausu 7** di atas, Peserta Layak boleh memperolehi penyertaan ("**Penyertaan**") dengan memenuhi Kriteria Penyertaan yang disenaraikan dalam jadual di bawah semasa Tempoh Kempen dan mengikut cara yang dinyatakan di dalamnya:

Kategori Hadiah	Kriteria Penyertaan	Penyertaan
Hadiah Utama	Seseorang Peserta Layak mesti melakukan minimum lapan (8) Transaksi Layak sepanjang Tempoh Kempen untuk layak memenangi Hadiah Utama	1

13. **Kriteria Penyertaan untuk Hadiah Pulangan Tunai Bulanan**

Untuk berpeluang memenangi Hadiah Pulangan Tunai Bulanan yang dirujuk dalam **Klausu 7** di atas, Peserta Layak boleh memperolehi Penyertaan dengan memenuhi Kriteria Penyertaan yang disenaraikan dalam jadual di bawah semasa Bulan Kempen tertentu dan mengikut cara yang dinyatakan di dalamnya:

Kategori Hadiah	Kriteria Penyertaan	Penyertaan
Hadiah Pulangan Tunai Bulanan	Seseorang Peserta Layak mesti melakukan minimum lima (5) Transaksi Layak dalam Bulan Kempen untuk layak memenangi Hadiah Pulangan Tunai Bulanan.	1

14. Penjejakan Transaksi Layak adalah berdasarkan tarikh dan masa transaksi (Waktu Malaysia) seperti yang dirakam dalam rekod transaksi CIMB semasa Tempoh Kempen.
15. Peserta Layak mengakui dan bersetuju bahawa sebarang penentuan oleh CIMB sama ada mana-mana transaksi tertentu layak sebagai Transaksi Layak hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif, dan penentuan sedemikian tidak akan dicabar dalam apa jua cara sekalipun.

Pemilihan Pemenang

Pemilihan Pemenang Hadiah Utama:

16. Pada hujung Tempoh Kempen, tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini, CIMB akan menyenarai pendek senarai pemenang berpotensi daripada kumpulan Peserta Layak berdasarkan jumlah Penyertaan yang diperolehi oleh Peserta Layak dalam keseluruhan Tempoh Kempen (secara kolektif dikenali sebagai "**Pemenang Hadiah Utama Berpotensi**")
17. Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang nombor telefon mudah alihnya didaftarkan dan dikekalkan dalam rekod CIMB akan dihubungi melalui Khidmat Pesanan Ringkas ("**SMS**"). Pemenang Hadiah Utama Berpotensi mesti menjawab satu (1) soalan dengan betul dengan membalas SMS secepat mungkin.
 - a. **Tiga (3)** Pemenang Hadiah Utama Berpotensi **pertama** yang membalas dengan jawapan yang betul akan diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Utama ("**Pemenang Hadiah Utama**"). Untuk kejelasan, hanya Pemenang Hadiah Utama Berpotensi dengan alamat e-mel, alamat surat-menyerat dan nombor telefon mudah alih yang sah yang dikekalkan dalam rekod CIMB layak untuk memenangi Hadiah Utama dalam Kempen ini.
 - b. Semua sesi soal jawab akan dinilai oleh panel yang dipilih oleh CIMB. Keputusan panel ini hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif.
 - c. Jika, atas apa jua sebab, tiada Pemenang Hadiah Utama diisytiharkan, CIMB merizabkan hak, mengikut budi bicara mutlak, untuk memilih Pemenang Hadiah Utama baharu mengikut prosedur yang digariskan dalam **Klausu 17(a)** hingga **(c)** dan/atau melucuthakkan hadiah yang belum dianugerahi.

Pemilihan Pemenang Hadiah Pulangan Tunai Bulanan:

18. Peserta Layak yang telah melakukan Transaksi Layak dengan sewajarnya hendaklah layak untuk menerima Hadiah Pulangan Tunai Bulanan, atas dasar tiba dahulu, layan dahulu, sehingga penggunaan penuh jumlah peruntukan dua puluh empat ribu (24,000) unit Hadiah Pulangan Tunai Bulanan. Penerimaannya selepas ini akan dirujuk sebagai "**Pemenang Hadiah Pulangan Tunai Bulanan**"
19. Setiap Peserta Layak hanya berhak menerima maksimum satu (1) unit Hadiah Pulangan Tunai Bulanan, dan kelayakan tersebut hendaklah pada setiap masa tertakluk kepada ketersediaan.

20. Sekiranya masih terdapat Hadiah Pulangan Tunai Bulanan yang tidak digunakan selepas tamatnya Bulan Kempen, CIMB hendaklah mempunyai budi bicara tunggal dan mutlak untuk melucuthakkan Hadiah Pulangan Tunai Bulanan yang tidak digunakan tersebut, tanpa memberi sebarang sebab dan tanpa sebarang kewajipan untuk menggantikan atau membayar pampasan kepada mana-mana orang.

Bulan Kempen	Tempoh	Pemilihan Pemenang
Bulan Pertama	1 ^{hb} September 2025 – 30 ^{hb} September 2025	6,000 Peserta Layak pertama yang memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam Klausula 13 di atas dalam Bulan Kempen ini akan diisytiharkan sebagai "Pemenang" untuk bulan tersebut, tertakluk kepada ketersediaan peruntukan Hadiah dan Hadiah maksimum yang ditetapkan pada Klausula 7 di atas.
Bulan ke-2	1 ^{hb} Oktober 2025 – 31 ^{hb} Oktober 2025	6,000 Peserta Layak pertama yang memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam Klausula 13 di atas dalam Bulan Kempen ini akan diisytiharkan sebagai "Pemenang" untuk bulan tersebut, tertakluk kepada ketersediaan peruntukan Hadiah dan Hadiah maksimum yang ditetapkan pada Klausula 7 di atas.
Bulan ke-3	1 ^{hb} November 2025 – 30 ^{hb} November 2025	6,000 Peserta Layak pertama yang memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam Klausula 13 di atas dalam Bulan Kempen ini akan diisytiharkan sebagai "Pemenang" untuk bulan tersebut, tertakluk kepada ketersediaan peruntukan Hadiah dan Hadiah maksimum yang ditetapkan pada Klausula 7 di atas.
Bulan ke-4	1 ^{hb} Disember 2025 – 31 ^{hb} Disember 2025	6,000 Peserta Layak pertama yang memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam Klausula 13 di atas dalam Bulan Kempen ini akan diisytiharkan sebagai "Pemenang" untuk bulan tersebut, tertakluk kepada ketersediaan peruntukan Hadiah dan Hadiah maksimum yang ditetapkan pada Klausula 7 di atas.

21. CIMB tidak mempunyai kewajiban untuk memaklumkan kepada Peserta Layak sebaik sahaja jumlah Hadiah telah ditebus sepenuhnya pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen atau Tempoh Kempen, sama ada sebelum atau selepas tamatnya (mengikut mana-mana yang berkenaan).
22. Ia hendaklah menjadi tanggungjawab Peserta Layak untuk memastikan bahawa alamat e-mel, alamat surat-menyurat dan nombor telefon mudah alih mereka yang dikekalkan dengan CIMB adalah terkini dan dikemas kini, dan Peserta Layak hendaklah mengemas kini dan memaklumkan kepada CIMB jika terdapat sebarang perubahan pada alamat e-mel, alamat surat-menyurat dan/atau nombor telefon mudah alih. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian (termasuk apa-apa kehilangan peluang dan kerugian berbangkit yang mengalir daripadanya) yang dialami atau untuk sebarang kegagalan untuk memenuhi penghantaran Hadiah jika kehilangan atau kegagalan tersebut disebabkan oleh alamat e-mel, alamat surat-menyurat dan/atau nombor telefon mudah alih Peserta Layak yang sudah lapuk atau tidak tepat.
23. Pada masa pemilihan Pemenang Hadiah Utama dan Pemenang Hadiah Pulangan Tunai Bulanan (selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "**Pemenang**"), Akaun Penyertaan mereka (a) MESTI berada dalam kedudukan yang baik; dan (b) MESTI tidak memungkirkan mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini dan/atau perjanjian yang mentadbir Akaun Penyertaan; dan (c) MESTI tidak ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan yang diperintahkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, berdelinkuen dan/atau tidak sah atau dibatalkan dalam apa-apa cara yang mungkin ditentukan oleh CIMB semasa Tempoh Kempen. Jika tidak, Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau menjadi Pemenang di bawah Kempen ini.

Pemenuhan Hadiah

24. **Hadiah Utama :**
- a. CIMB akan memaklumkan kepada Pemenang Hadiah Utama tentang kemenangannya pada akhir Tempoh Kempen melalui: (a) paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB di **www.cimbclicks.com.my**; atau (b) mel elektronik; atau (c) SMS; atau (d) pemberitahuan semerta; atau (e) sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
 - b. **Baucar Perjalanan bernilai RM8,000**
 - i. Baucar Perjalanan akan dihantar ke alamat surat-menyurat Pemenang Hadiah Utama di Malaysia yang kini dikekalkan dengan CIMB dalam dua belas (12) minggu selepas tamat Tempoh Kempen oleh pengedar/ejen pihak ketiga lantikan CIMB.
 - ii. Baucar Perjalanan sah selama dua belas (12) bulan sahaja daripada tarikh pengeluaran baucar.
 - iii. Pemenang Hadiah Utama dengan ini secara nyata bersetuju dan memberi kuasa kepada CIMB untuk mendedahkan butirannya (termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon mudah alih dan alamat surat-menyuratnya) kepada pengedar/ejen yang kemudiannya boleh menghubungi Pemenang Hadiah Utama berkenaan penghantaran Hadiah Utama.
 - c. **Hadiah Wang Tunai RM2,000**
 - i. Hadiah Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Pemenang yang dipilih oleh CIMB dalam tempoh dua belas (12) minggu selepas tamat Tempoh Kempen.

- ii. Mana-mana Pemenang yang akaunnya dengan CIMB telah ditamatkan, digantung, dibatalkan, ditutup atau dorman sebelum mana-mana Hadiah dianugerahkan kepadanya di bawah Kempen ini tidak akan layak menerima sebarang Hadiah di bawah Kempen ini.
- d. Semua kos, fi dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh Pemenang berhubung dengan Kempen dan/atau tuntutan Hadiah termasuk fi, levi atau cukai yang dikenakan atau akan dikenakan adalah liabiliti dan tanggungjawab tunggal Pemenang.
- e. Hadiah Utama tidak boleh dipindahmilikkan kepada mana-mana pihak ketiga, ditukar dengan hadiah atau ganjaran lain yang mempunyai nilai setara atau mana-mana alternatif lain dalam apa jua keadaan sekalipun. CIMB tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Pemenang untuk menghantar Hadiah ke mana-mana akaun bank lain (sama ada dipegang dengan CIMB dan/atau mana-mana institusi kewangan lain), dan/atau alamat e-mel/alamat surat-menyurat/nombor telefon mudah alih.
- f. Imej Hadiah Utama yang ditunjukkan dalam mana-mana kolateral pemasaran dan/atau pengiklanan adalah untuk tujuan visual sahaja dan mungkin berbeza daripada Hadiah Utama sebenar yang diterima. Pemenang Hadiah Utama tidak dibenarkan memilih atau menukar Hadiah Utama.
- g. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, CIMB dengan nyata mengecualikan dan menafikan sebarang representasi, waranti atau pengendorsan, tersirat atau nyata, bertulis atau lisan, Hadiah Utama dan tidak akan memikul sebarang tanggungjawab untuk Hadiah Utama yang ditawarkan di bawah Kempen ini. CIMB tidak akan melayan sebarang aduan berkaitan dengan Hadiah Utama.
- h. Hadiah Utama ditawarkan dan/atau disediakan semata-mata oleh pengedar/ejen yang berkaitan, di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat seperti yang ditentukan oleh pengedar/ejen tersebut dan CIMB tidak menerima liabiliti (termasuk tanpa had, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, bersampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga, walau bagaimanapun berbangkit, sama ada berkaitan dengan kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya berkaitan dengan Hadiah Utama, walaupun CIMB telah dinasihati tentang kemungkinan kerugian tersebut terlebih dahulu, dan semua kerugian tersebut dikecualikan secara nyata.
- i. Sebarang aduan berhubung dengan Hadiah Utama hendaklah dirujuk kepada pengedar/ejen seperti yang dimaklumkan oleh CIMB. Hadiah Utama tidak diperakui atau diendors atau disyorkan oleh CIMB dan dalam apa jua keadaan sekalipun, kemasukan Hadiah Utama dalam Kempen ini tidak boleh ditafsirkan sebagai pengendorsan atau pengesyoran oleh CIMB. Liabiliti CIMB berkenaan dengan Hadiah Utama hanyalah untuk membayar harga yang sama kepada pengedar/ejen.
- j. CIMB tidak menerima tanggungjawab terhadap sebarang implikasi cukai yang mungkin timbul daripada Hadiah Utama atau penggunaannya. Sebarang kewajipan pemfailan cukai atau sebarang pembayaran cukai tertunggak kepada mana-mana pihak berkuasa akibat penerimaan Hadiah Utama kekal menjadi tanggungjawab tunggal Pemenang Hadiah Utama. Ia adalah tanggungjawab Pemenang Hadiah Utama untuk mendapatkan nasihat bebas tentang implikasi berpotensi yang mungkin ada pada situasi kewangannya sendiri.
- k. Pemenang Hadiah Utama hendaklah menurut budi bicara tunggal dan mutlak CIMB dikehendaki menghadiri dan mengambil bahagian dalam majlis penyampaian hadiah dan/atau acara lain yang berkaitan yang dianjurkan oleh CIMB (jika ada) dan jika Pemenang Hadiah Utama gagal menghadiri upacara dan/atau acara tersebut, CIMB merizabkan hak untuk melucuthakkan Hadiah Utama dan memilih Pemenang Hadiah Utama yang lain.

- l. CIMB merizabkan hak untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar dan bandar kediaman Pemenang Hadiah Utama untuk tujuan pengiklanan dan publisiti dalam apa jua cara yang ia fikirkan sesuai. Dengan menyertai Kempen ini, Pemenang Hadiah Utama dengan ini memberi kebenaran dan bersetuju bahawa CIMB hendaklah bebas untuk menerbitkan dan/atau memaparkan bahan dan/atau maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, gambar dan bandar kediaman Pemenang Hadiah Utama tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti. Ketidakpatuhan boleh menyebabkan Pemenang Hadiah Utama alternatif dipilih.
 - m. Melainkan dinyatakan sebaliknya, Hadiah Utama adalah (i) tidak sah bersama-sama dengan promosi atau diskaun lain; (ii) tidak boleh dipindah milik; (iii) tidak boleh dijual semula atau apa jua; (iv) tidak boleh ditukar dengan wang tunai, bayaran balik, penggantian atau apa jua; (v) tidak boleh disusun atau digabungkan dengan mana-mana tawaran, promosi atau diskaun lain; dan/atau (vi) tidak dibenarkan untuk penebusan separa atau diskaun atau penebusan untuk mana-mana item produk lain atau penebusan untuk promosi lain dengan kod baucar
 - n. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana orang termasuk Pemenang dan/atau bertanggungjawab untuk menawarkan penggantian mana-mana kod baucar, wang tunai atau sebaliknya agar memberi pampasan kepada mana-mana pemenang untuk kod baucar yang telah tamat tempoh, tidak sah, dihentikan atau dibatalkan; lokasi atau jadual perjalanan yang dihentikan atau dibatalkan; turun naik harga lokasi perjalanan; penggunaan tidak wajar, atau ketidakupayaan untuk menebus sebarang kod baucar; atau ketidakupayaan untuk menebus kod baucar disebabkan oleh isu teknikal.
 - o. Sekiranya pengedar yang diberi kuasa tidak dapat membekalkan baucar yang sama seperti yang diuraikan di sini kepada CIMB atas sebab-sebab yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada keadaan cuaca vendor atau negara, perang, mogok, rusuhan atau perintah daripada Kerajaan Malaysia, CIMB merizabkan hak untuk menggantikan Hadiah dengan pakej percutian lain yang setara atau bernilai setara mengikut budi bicara tunggalnya, dengan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari calendar melalui papasan di laman web CIMB di www.cimbclicks.com.my atau mana-mana kaedah lain yang ia fikirkan sesuai.
25. **Hadiah Pulangan Tunai Bulanan :**
- a. Hadiah Pulangan Tunai Bulanan akan dikreditkan ke Akaun Penyertaan Pemenang Pulangan Tunai Bulanan yang dipilih oleh CIMB dalam tempoh dua belas (12) minggu selepas tamat Tempoh Kempen. Hadiah tidak boleh dimilikikan kepada mana-mana pihak ketiga, ditukar dengan hadiah atau ganjaran yang berbeza dengan nilai setara atau sebarang alternatif lain dalam apa jua keadaan. CIMB tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Pemenang untuk mengkreditkan Hadiah ke akaun CIMB lain Pemenang.
26. Pemenang juga mesti mempunyai Akaun Penyertaan yang aktif dan sah di Malaysia pada titik pemenuhan Hadiah. Untuk mengelakkan keraguan, Akaun Penyertaan yang telah ditamatkan/digantung/disekat/dibekukan/dorman atau atas apa-apa sebab sekalipun pada titik pemenuhan akan dianggap "*tidak aktif*" untuk tujuan Kempen ini dan Hadiah yang dianugerahkan kepada Pemenang tersebut akan dilucuthakkan. Sekiranya berlaku lucut hak, tiada Pemenang tambahan akan dipilih untuk tujuan Kempen ini.
27. Selain itu, Akaun Penyertaan Pemenang: (a) MESTI tidak mungkiri Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan/atau mana-mana perjanjian lain yang mentadbir Akaun Penyertaan; DAN (b) MESTI tidak ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang diperintahkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa lain yang dibenarkan oleh undang-undang, berdelinkuen dan/atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB semasa Tempoh Kempen dan sebelum pemenuhan Hadiah, jika tidak, Hadiah yang beliau layak akan dilucuthakkan.

28. Hadiah tidak boleh dipindahmilikkan kepada mana-mana pihak ketiga lain dan tidak boleh ditukar dengan Hadiah lain dengan nilai setara atau mana-mana alternatif lain. Di mana terpakai, Hadiah hanya akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan sah Peserta Layak dan pengkreditan Hadiah akan dicerminkan dalam penyata bulanan berikutnya untuk Akaun Penyertaan tersebut. CIMB tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Pemenang untuk mengkreditkan Hadiah kepada mana-mana akaun CIMBnya yang lain, atau mana-mana akaun lain yang dikekalkan dengan bank lain atau mana-mana akaun pihak ketiga.
29. CIMB merizabkan hak untuk melucuthakkan Hadiah jika, selepas tamat Tempoh Kempen, bilangan Pemenang yang dipilih tidak mencukupi (seperti yang ditetapkan dalam **Klausu 7** di atas). Tiada Pemenang tambahan akan dipilih untuk tujuan semata-mata untuk menghabiskan ketersediaan kumpulan Pulangan Tunai. CIMB juga merizabkan hak untuk melucuthakkan Hadiah jika terdapat pembalikan pembayaran untuk Transaksi Layak yang dilakukan oleh Pemenang selepas Hadiah telah dianugerahkan.
30. Untuk mengelakkan keraguan semua kos, fi dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh Pemenang berhubung dengan Kempen dan/atau Hadiah, adalah tanggungjawab tunggal Pemenang.
31. Dengan menerima Hadiah, Peserta Layak bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan CIMB dan ahli gabungannya serta pengarah, pegawai, pekerja dan ejen masing-masing daripada dan terhadap sebarang tuntutan, tindakan, prosiding, penghakiman, ganti rugi, kerugian, perbelanjaan atau liabiliti berkenaan dengan: -
(i) penyertaan dalam Kempen; atau
(ii) penerimaan atau penggunaan Hadiah, oleh Peserta Layak. Semua risiko, kerugian atau ganti rugi yang berkaitan dengan penggunaan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Peserta Layak.
32. CIMB tidak menerima tanggungjawab terhadap sebarang implikasi cukai yang mungkin timbul daripada Hadiah atau penggunaannya. Sebarang kewajipan pemfailan cukai atau sebarang pembayaran cukai tertunggak kepada mana-mana pihak berkuasa akibat daripada penerimaan Hadiah kekal menjadi tanggungjawab tunggal Pemenang. Ia adalah tanggungjawab setiap Pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas tentang implikasi berpotensi yang mungkin ada pada situasi kewangannya sendiri.
33. CASA/i CIMB dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit .

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

34. Peserta Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, mereka : -
- dikehendaki membaca dan memahami Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - mengesahkan bahawa terma-terma kontrak utama yang menjejaskan kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka ;
 - bersetuju kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta apa-apa data peribadi mana-mana individu yang mungkin dikongsi oleh Peserta Layak kepada CIMB mengikut Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my ;
 - bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara munasabah oleh CIMB berhubung dengan setiap aspek Kempen ini hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
 - bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian daripada

kewajibannya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini yang dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada:-

- i. kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
 - ii. kegagalan elektrik;
 - iii. pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
 - iv. apa-apa bencana alam ("Act of God") di luar kawalan CIMB; atau
 - v. apa-apa faktor yang di luar kawalan munasabah CIMB.
35. Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau Hadiah akan dilucuthakkan jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan Hadiah : -
- a. Peserta Layak telah memungkir Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang mentadbir Akaun Penyertaan Peserta Layak ;
 - b. Akaun Penyertaan Peserta Layak telah ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang diperintahkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diberi kuasa oleh undang-undang; atau
 - c. Akaun Penyertaan Peserta Layak adalah berdelinkuen, tidak sah atau telah dibatalkan oleh Peserta Layak atau CIMB.
36. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan telah: -
- a. mengganggu proses kemasukan/penyertaan/permohonan; dan/atau
 - b. bertindak memungkir Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
37. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen dengan memberikan notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar kepada Peserta Layak melalui: -
- a. pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - b. notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - c. notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB; dan/atau
 - d. melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
- Untuk mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada sebarang pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen ini.
38. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak untuk sebarang kerugian, kos, atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, punitif atau khas) akibat daripada: -
- a. penyertaan atau kegagalan penyertaan Peserta Layak dalam Kempen ini; dan/atau
 - b. sebarang kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan SMS oleh Peserta Layak ,

melainkan kerugian atau ganti rugi tersebut timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

39. a. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini ("**Pindaan**") dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta Layak melalui: -
- i. pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - ii. notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - iii. notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB; dan/atau
 - iv. iklan dalam satu akhbar pilihan CIMB; dan/atau
 - v. melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB .
- b. Pindaan hendaklah dianggap sebagai mengikat pada Peserta Layak dari tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh CIMB dalam pemberitahuan .
- c. Sekiranya perubahan diperlukan oleh undang-undang atau mana-mana kaedah, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("**Peraturan**") maka mereka akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan memaklumkan/memberi notis kepada Peserta Layak mengenai perubahan ini secepat mungkin.
- d. Peserta Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB secara berkala untuk melihat Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti sebarang perubahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
40. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian, kos atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada Pindaan.
41. Peserta Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB ditanggung rugi terhadap sebarang fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada: -
- a. penyertaan dalam Kempen ini; dan/atau
 - b. penerimaan, penewasan atau penggunaan Hadiah; dan/atau
 - c. kemungkiran atau kegagalan untuk mematuhi Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
42. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini : -
- a. hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen ini; dan
 - b. hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat semasa produk dan/atau perkhidmatan CIMB yang berkaitan dengan Kempen yang akan terpakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
43. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan kaedah, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan-badan kawal selia lain yang berkenaan di mana CIMB tertakluk.

44. Jika CIMB tidak menjalani hak yang dimilikinya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, ia tidak menghalang CIMB daripada menjalani hak tersebut atau mana-mana hak CIMB lain pada masa hadapan .
45. Peserta Layak bersetuju bahawa mereka akan bertanggungjawab untuk sebarang cukai, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang berkaitan dengan Kempen ini.
46. Jika produk/perkhidmatan berkaitan Kempen ini yang telah dilanggan oleh Peserta Layak ditawarkan oleh CIMB Bank, sebarang pertanyaan Peserta Layak yang ada akan dikendalikan oleh CIMB Bank. Begitu juga, jika produk/perkhidmatan ditawarkan oleh CIMB Islamic Bank, kebimbangan Peserta Layak akan ditangani oleh CIMB Islamic Bank.
47. a. Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB ("**CRU**") untuk sebarang maklum balas dan/atau aduan berhubung dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon, faks dan e-mel :
- Alamat : Unit Resolusi Pelanggan, Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan
No. Telefon: +603 6204 7788
No. Faksimile: +603 2691 3248
E-mel: contactus@cimb.com
- b. Peserta Layak boleh menghubungi Pusat Hubungan CIMB untuk sebarang pertanyaan berkaitan Kempen ini dan Terma-Terma dan Syarat-Syaratnya di No. Telefon: +603 6204 7788 atau e-mel kepada contactus@cimb.com.
- c. CIMB boleh mengubah butiran perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Peserta Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau melalui mana-mana cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB .

[Tamat]